

Newspaper	Utusan Melayu
Date	15/08/2017E

Kronologi KEMELUT DALAM ARMADA PPBM

10 JUN Exco Armada PPBM, **Muhammad Hafiz Azhar** mendakwa ahli-ahli sayap semakin hilang kepercayaan terhadap putuk pimpinan parti yang dilihat tidak berintegriti dan menyalahgunakan kuasa. Pelbagai soalan diajukan ahli-ahli peringkat akar umbi mengenai kekayaan luar biasa anak-anak Pengerusi PPBM, Tun Dr. Mahathir Mohamad dan juga skandal Nika Ghee dengan Presiden PPBM, Tan Sri Muhyiddin Yassin tidak dijawab.



13 JUN Exco Armada PPBM, **Mohamad Taufik Abas** desak kepemimpinan tertinggi PPBM supaya telus dalam perjuangan tanpa menjadikan individu tertentu yang luhur menganggotai parti sebagai marisa seterusnya mengelakkan dominasi pihak berkepentingan perbadi.

15 JUN Exco Armada PPBM **Abd. Wahazir Abd. Wahab** pertikai kelayakan Dr. Mahathir untuk menjadi Perdana Menteri Malaysia yang Ketujuh.

16 JUN 200 ahli Armada PPBM umum keluar daripada parti itu di Melaka.

20 JUN Ketua Armada PPBM, **Syed Saddiq Syed Abdul Rahman** dakwa tiga exco yang serang Dr. Mahathir dan Muhyiddin dipercayai bersekongkol dengan pengendali blog, Raja Petra Kamaruddin.



20 JUN Exco Armada PPBM, **Mohamad Taufik Abas** serahi bulki kepada SPRM berhubung dakwaan salah guna kuasa dan rasuah melibatkan Dr. Mahathir dan Datuk Seri Mulhaziz.

13 JULAI Exco Armada PPBM, **Muhammad Hafiz Azhar** menggesa Dr. Mahathir serta Muhyiddin menggunakan forum *Nothing To Hide 2.0* sebagai platform membersihkan nama dari menjawab segala persoalan yang dibangkitkan ahli parti di peringkat akar umbi.

13 OGOS Forum *Nothing To Hide 2.0* kecoh selepas ahli-ahli Armada PPBM tidak berpuas hati dengan jawapan Dr. Mahathir berhubung tragedi berdarah Memali.



Insiden mungkin dirancang PPBM sendiri

UM - 15/8/2017 pg. 8

KUALA LUMPUR 14 Ogos - Insiden keganasan yang berlaku ketika forum *Nothing to Hide 2.0* anjuran Armada Parti Pribumi Bersatu (PPBM), semalam mungkin dirancang sendiri oleh parti tersebut bagi memburuk-burukkan UMNO serta Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak.

Naib Ketua Pemuda UMNO, **Khairul Azwan Harun** berkata, pemimpin-pemimpin Pakatan Harapan kini berada dalam keadaan terdesak dan sanggup melakukan apa sahaja untuk menanam kebencian terhadap UMNO dan Najib.

"Kami tidak terkejut insiden semalam adalah perancangan mereka sendiri (PPBM dan Pakatan Harapan) kerana dengan pantas mereka menyalahkan UMNO sebelum polis selesai siasatan.

"Tindakan ini tidak matang dan sangat kebudak-budakkan, bagi masa untuk polis selesai siasatan dan jika ada bukti ahli UMNO terlibat ambil tindakan undang-undang kepada mereka," katanya pada sidang akhbar di bangunan Parlimen di sini hari ini.

Menurut Khairul Azwan, ahli-ahli UMNO tidak akan bertindak sedemikian di mana-mana juga forum apatah lagi anjuran parti lain dan beliau mahu pihak polis segera menjalankan siasatan serta mendakwa mereka yang terlibat.

"Kita tidak terlalu bodoh untuk buat begitu di program orang lain malah kita kutuk tindakan keganasan dan luar jangka yang berlaku pada program tersebut. Insiden ini adalah satu *wake up call* kepada PPBM untuk melihat sendiri masalah dalaman parti mereka," katanya.

Di **KUANTAN**, Pergerakan Pemuda UMNO Pahang berharap masyarakat sedar bahawa pembangkang terutama PPBM tiada

sebarang sumbangan terhadap negara kecuali hanya pandai memburukkan kerajaan dan Perdana Menteri.

Ketuanya, **Mohd. Shahar Abdullah** berkata, apa yang lebih menyedihkan adalah PPBM menyebabkan perpecahan dalam kalangan orang Melayu yang seharusnya dipertahan dan disatukan.

"Orang lain mungkin sedang bertepuk tangan melihat percakaran kita. Ketika kita berpecah, mudah bagi mereka menjalankan misi dan visi menggunakan 'boneka' yang telah diaturkan dalam kalangan kita," katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Forum berkenaan katanya, memakan diri sendiri apabila Pengerusi PPBM, Tun Dr. Mahathir Mohamad seolah-olah 'kelu lidah' untuk menjawab soalan hadirin yang salah satunya berkenaan Datuk Seri Anwar Ibrahim.

"Selain kecoh dengan insiden membalang kasut, kerusi dan suar, pelbagai spekulasi timbul akhirnya mengaibkan mereka terutama Dr. Mahathir apabila gagal menjawab persoalan yang dikemukakan hadirin dalam kalangan ahli PPBM sendiri," ujarnya.

Tambahnya, lebih melucukan apabila UMNO dituduh menjadi penyebab sedangkan PPBM yang bertanggungjawab menganjurkan forum berkenaan termasuk membuat pemeriksaan keselamatan sebelum majlis berlangsung.

"Mudah sungguh kerja PPBM, jika forum itu menjadi, mereka mendapat nama. Apabila dikutuk, UMNO dapat busuk. Begitulah modus operandi pihak pembangkang sejak zaman dahulu dan kini 'diperturunkan' kepada Armada PPBM," katanya.



KHAIRUL AZWAN HARUN



MOHD. SHAHAR ABDULLAH